BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Jun 2018

Inflasi keseluruhan menurun kepada 0.8% pada Jun 2018

Sumbangan kepada Inflasi



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya turut tidak termasuk anggaran kesan langsung GST.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan yang lebih rendah pada bulan Jun (Mei 1.8%) disebabkan terutamanya oleh penurunan harga barangan dan perkhidmatan susulan langkah menjadikan kadar GST kepada sifar.
- Penurunan inflasi adalah menyeluruh apabila 11 daripada 12 kategori barangan mencatat inflasi yang lebih rendah.
- Inflasi teras[1], yang tidak memasukkan kesan kadar GST menjadi sifar, kekal stabil pada kadar 1.5% pada bulan Jun (Mei: 1.5%).

Pertumbuhan IODT menjadi sederhana pada bulan Mei disebabkan penurunan dalam segmen kenderaan bermotor

Sumbangan kepada IODT Keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks Perdagangan Edaran (Index of Distributive Trade, IODT) meningkat dengan sederhana pada bulan Mei (5.8%, April: 6.4%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam segmen kenderaan bermotor. Hal ini kerana pengguna menangguhkan pembelian untuk mendapatkan manfaat daripada kadar GST yang dijadikan sifar bermula pada 1 Jun 2018.
- Walau bagaimanapun, segmen borong dan runcit bertambah baik dalam keadaan aktiviti perdagangan yang terus kukuh dan sentimen pengguna yang lebih baik.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.
[2] Purata bergerak 3 bulan.
[3] Tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos 2018 iaitu kadar GST menjadi sifar daripada 6% dan sebelum pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bermula bulan September 2018.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pada bulan Jun, pertumbuhan pembiayaan bersih[1] kekal pada 6.9% (Mei: 6.8%), disokong oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul (Jun: 12.4%; Mei: 12.2%) dan pinjaman terkumpul sistem perbankan yang mampan (Jun: 5.0%; Mei: 4.9%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul kekal stabil bagi perniagaan (Jun: 3.0%; Mei: 3.2%) dan isi rumah (Jun: 5.8%; Mei: 5.6%).
- Pada bulan Jun, pertumbuhan[2] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk pembelian kereta penumpang meningkat dengan nyata, masing-masing kepada 15.3% dan 21.9%. Hal ini disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi untuk pembiayaan dalam tempoh pelepasan cukai[3] (Mei: masing-masing -2.9% dan -2.5%).

Pasaran kewangan terus mengalami aliran keluar bukan pemastautin pada bulan Jun

Aliran Portfolio Bukan Pemastautin pada bulan Jun



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Jun, pasaran kewangan domestik terus mengalami aliran keluar bukan pemastautin di tengah-tengah kebimbangan terhadap perang perdagangan yang timbul semula dan jangkaan bahawa dasar monetari Amerika Syarikat (AS) akan kembali kepada keadaan yang wajar pada kadar yang lebih cepat.
  - FBM KLCI merosot 2.8% dan ringgit menyusut nilai 0.5% berbanding dengan dolar AS.
- Walau bagaimanapun, pasaran bon domestik masih disokong oleh permintaan yang kukuh daripada pelabur institusi domestik. Pada bulan Jun, kadar hasil MGS menurun antara 0.4 hingga 8.8 mata asas.

Kualiti aset sistem perbankan terus kukuh

Sistem Perbankan: Kualiti Aset



[1] Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada Jun 2018, paras nisbah pinjaman terjejas bersih dan nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman tidak berubah, masing-masing pada 1.0% dan 1.5%.
- Berikutan keadaan kredit yang stabil dan prospeknya yang lebih menggalakkan, impak MFRS 9[1] seterusnya terhadap bank dijangka terurus.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 07/18/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Selasa, 31 Julai 2018

SOROTAN BULANAN – JUN 2018

Inflasi keseluruhan menurun kepada 0.8% pada Jun 2018

- Inflasi keseluruhan yang lebih rendah pada bulan Jun (Mei 1.8%) disebabkan terutamanya oleh penurunan harga barangan dan perkhidmatan susulan langkah menjadikan kadar GST kepada sifar.
- Penurunan inflasi adalah menyeluruh apabila 11 daripada 12 kategori barangan mencatat inflasi yang lebih rendah.
- Inflasi teras[1], yang tidak memasukkan kesan kadar GST menjadi sifar, kekal stabil pada kadar 1.5% pada bulan Jun (Mei: 1.5%).

Pertumbuhan IODT menjadi sederhana pada bulan Mei disebabkan penurunan dalam segmen kenderaan bermotor

- Indeks Perdagangan Edaran (Index of Distributive Trade, IODT) meningkat dengan sederhana pada bulan Mei (5.8%, April: 6.4%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam segmen kenderaan bermotor. Hal ini kerana pengguna menangguhkan pembelian untuk mendapatkan manfaat daripada kadar GST yang dijadikan sifar bermula pada 1 Jun 2018.
- Walau bagaimanapun, segmen borong dan runcit bertambah baik dalam keadaan aktiviti perdagangan yang terus kukuh dan sentimen pengguna yang lebih baik.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya turut tidak termasuk anggaran kesan langsung GST.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan Jun, pertumbuhan pembiayaan bersih[2] kekal pada 6.9% (Mei: 6.8%), disokong oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul (Jun: 12.4%; Mei: 12.2%) dan pinjaman terkumpul sistem perbankan yang mampan (Jun: 5.0%; Mei: 4.9%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul kekal stabil bagi perniagaan (Jun: 3.0%; Mei: 3.2%) dan isi rumah (Jun: 5.8%; Mei: 5.6%).
- Pada bulan Jun, pertumbuhan[3] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk pembelian kereta penumpang meningkat dengan nyata, masing-masing kepada 15.3% dan 21.9%. Hal ini disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi untuk pembiayaan dalam tempoh pelepasan cukai[4] (Mei: masing-masing -2.9% dan -2.5%).

Pasaran kewangan terus mengalami aliran keluar bukan pemastautin pada bulan Jun

- Pada bulan Jun, pasaran kewangan domestik terus mengalami aliran keluar bukan pemastautin di tengah-tengah kebimbangan terhadap perang perdagangan yang timbul semula dan jangkaan bahawa dasar monetari Amerika Syarikat (AS) akan kembali kepada keadaan yang wajar pada kadar yang lebih cepat.
  - FBM KLCI merosot 2.8% dan ringgit menyusut nilai 0.5% berbanding dengan dolar AS.
- Walau bagaimanapun, pasaran bon domestik masih disokong oleh permintaan yang kukuh daripada pelabur institusi domestik. Pada bulan Jun, kadar hasil MGS menurun antara 0.4 hingga 8.8 mata asas.

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.
[3] Purata bergerak 3 bulan.
[4] Tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos 2018 iaitu kadar GST menjadi sifar daripada 6% dan sebelum pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bermula bulan September 2018.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kualiti aset sistem perbankan terus kukuh

- Pada Jun 2018, paras nisbah pinjaman terjejas bersih dan nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman tidak berubah, masing-masing pada 1.0% dan 1.5%.
- Berikutan keadaan kredit yang stabil dan prospeknya yang lebih menggalakkan, impak MFRS 9[5] seterusnya terhadap bank dijangka terurus.

Bank Negara Malaysia
31 Julai 2018

[5] Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my